

# Puteri UMNO adakan Program Tunas Kerjaya

MELAKA 15 Okt. - Pergerakan Puteri UMNO mengadakan program Tunas Kerjaya 2006 bagi membantu menangani masalah pengangguran di kalangan generasi muda termasuk graduan.

Ketuanya, Datuk Noraini Ahmad berkata, program itu diadakan bagi membantu golongan muda membina kerjaya serta menyediakan peluang pekerjaan untuk mereka menerusi sesi temuduga yang diaturkan dengan syarikat-syarikat yang berkaitan.

"Program ini juga bertujuan membantu meningkatkan pengetahuan dalam membentuk personaliti dan imej yang dapat menyerlahkan keterampilan serta keupayaan komunikasi graduan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program Tunas Kerjaya 2006 yang disernpurnakan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam di Pusat Dagangan Antarabangsa Mela-

ka (MITC) di sini semalam.

Pada majlis itu juga Mohd. Ali melancarkan portal e-tunaskerjaya yang diwujudkan untuk memudahkan golongan muda mendapatkan maklumat lanjut mengenai program berkenaan dan mendaftar untuk menyertainya.

Hampir 40 syarikat bekerjasama menjayakan program ini dengan menjalankan sesi temuduga terbuka serta pameran termasuk Akademi Graduan, Proton, Am Assurance, Telekom Malaysia, Utusan Karya, Standard Chartered dan TV3.

Lebih 1,000 golongan muda menghadiri majlis tersebut.

Menurut Noraini, program bertemakan Personaliti Berkualiti Menjana Diri itu adalah sulusan daripada Program Sijil Profesional Eksekutif Korporat (Pro-Spek) yang diadakan awal tahun ini.

Jelasnya, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada program Pro-Spek, pihaknya mengadakan pula Program

Tunas Kerjaya sebagai satu usaha untuk melengkapkan graduan supaya lebih kompetitif dalam kerjaya yang diceburi.

Mereka yang ingin mengikuti program itu boleh mendaftar menerusi Internet dengan melayari laman web Tunas Kerjaya di alamat [www.tunaskerjaya.com](http://www.tunaskerjaya.com).

Maklumat mereka yang mendaftar akan diproses di Pusat Pendaftaran Tunas Kerjaya dan perkembangan selanjutnya akan dimaklumkan kepada peserta melalui e-mel atau khidmat pesanan ringkas (SMS).

Program ini terbahagi kepada dua komponen pelaksanaan iaitu memberi bimbingan dan latihan pembangunan diri dan kerjaya serta proses penempatan pekerjaan.

Menerusi program ini pengetahuan serta kemahiran yang dimiliki oleh peserta yang mendaftar akan diselaraskan dengan keperluan industri dalam usaha untuk membantu mereka mendapatkan pekerjaan.